



SIARAN MEDIA

PEMBANGUNAN LANDSKAP YANG KOMPREHENSIF PACU POTENSI EKONOMI NEGARA

PUTRAJAYA, 15 Mei 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan **Majlis Pra-Pelancaran Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2024** bertempat di Taman Persahabatan China-Malaysia pada petang ini. Sambutan HLN 2024 ini merupakan sambutan kali ke-25 yang bertemakan 'Industri Landskap Pemacu Pembangunan Madani'.

Pada tahun ini, julung kalinya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah melimpahi perkenan untuk berangkat ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara 2024 pada 25 Mei 2024. Sambutan HLN 2024 akan diadakan selama 10 hari bermula pada 24 Mei sehingga 2 Jun 2024, bertempat di Taman Tasik Shah Alam, Shah Alam, Selangor anjuran Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Penganjuran HLN 2024 adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan apresiasi terhadap landskap terutamanya dalam kalangan generasi muda di samping menyebarkan kepentingan landskap terhadap kesejahteraan kehidupan melalui program pembangunan landskap yang komprehensif. Selain itu, ia merupakan salah satu usaha dalam meningkatkan kualiti pembangunan landskap negara dengan mewujudkan kesedaran, menarik minat dan pengetahuan dalam kalangan semua pihak terhadap landskap bagi merealisasikan aspirasi untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah melibatkan semua lapisan masyarakat.

Bersempena Sambutan HLN 2024 ini, Anugerah Rosa Sinensis dan beberapa kategori anugerah lain turut disampaikan sebagai penghargaan di atas pelbagai usaha yang telah dilaksanakan dalam memartabatkan industri landskap negara. Anugerah Rosa Sinensis merupakan satu pengiktirafan kepada pihak berkuasa mengurus taman-taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangunkan dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya.

Sepanjang Sambutan HLN 2024, pelbagai aktiviti dan pertandingan juga telah dirancang bagi memeriahkan lagi sambutan seperti Larian HLN 2024, Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak, demonstrasi masakan *From Garden To Kitchen*, Pertandingan Mural dan Pembinaan Arca dari bahan kitar semula, Pertandingan Gubahan Bunga, Pertandingan Booth Industri Terbaik, Laman PBT, Dialog Industri, Pertandingan Photojournalism, *Student Workshop* dan pelbagai lagi.

KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) sentiasa berusaha untuk memperkasakan usaha-usaha bagi menyokong perkembangan industri landskap negara yang turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Justeru, ia merupakan usaha untuk memperkasakan industri landskap negara melalui pengukuhan jaringan kerjasama bagi meningkatkan peranan penggiat industri landskap.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

